



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



BUDAYA POLITIK MATANG SEJAHTERA: SUATU ANALISIS

MATURE AND PROSPEROUS POLITICAL CULTURE: AN ANALYSIS ON ITS IMPACT TOWARDS THE MALAYSIAN POLITICAL CULTURE

Nor Saadah Musa^{1*}, Mohd Kamel Mat Salleh²

¹ Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, Malaysia
Email: norsa3845@uitm.edu.my

² Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, Malaysia
Email: mohdkamel@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 12.12.2023

Revised date: 19.01.2024

Accepted date: 20.02.2024

Published date: 13.03.2024

To cite this document:

Musa, N. S., & Mat Salleh, M. K. (2024). Budaya Politik Matang Sejahtera: Suatu Analisis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (53), 206-218.

DOI: 10.35631/IJEPC.953017.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Politik merupakan suatu keperluan penting dalam kehidupan manusia. Ia berperanan sebagai platform yang mengatur dan menguruskan kehidupan manusia secara sistematik. Manusia tidak boleh hidup dengan baik tanpa sistem politik yang tersusun. Ironinya, politik sering dimomokkan sebagai perkara yang kotor, penuh helah dan menyeleweng khususnya apabila melibatkan politik kepartian. Semakin lama pemikiran ini menjadi doktrin dan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia menyebabkan perbincangan mengenainya sering menjadi suatu perkara yang sensitif dan penuh sentimen. Permasalahannya, doktrin ini bertambah buruk dengan sikap dan pembawaan aktivis politik yang berlebih-lebihan dalam menyokong satu-satu parti atau diistilahkan sebagai 'taksu kepartian' sehingga membudayakan makian, kejian bahkan hingga mencederakan fizikal parti lawan demi mendapatkan kuasa. Apa yang lebih membimbangkan, persaingan yang sangat tidak sihat ini telah menormalisasikan budaya memfitnah dan bersangka-sangka terhadap parti lawan sedangkan ia merupakan dosa yang amat besar disisi Allah SWT. Natiujahnya akan membawa kepada pergaduhan dan permusuhan yang berpanjangan serta menggugat kesatuan. Justeru, budaya berpolitik khususnya dalam kalangan penganut agama Islam merentas pelbagai parti di negara ini amat wajar dititikberatkan supaya tidak menjadi fitnah kepada kemurnian agama itu sendiri. Kajian ini akan memfokuskan kepada sejauhmana gagasan budaya politik matang sejahtera (BPMS) mampu menjadi alternatif kepada perubahan budaya berpolitik dalam kalangan rakyat Malaysia. Kajian ini menggunakan metod kualitatif yang terdiri daripada analisis buku dan beberapa artikel berkaitan serta temubual pihak yang berautoriti khususnya

dalam kalangan pengasas kepada gagasan BPMS ini sendiri. Menyambut baik saranan Perdana Menteri supaya menghindarkan politik permusuhan¹, maka artikel ini mencadangkan supaya gagasan BPMS ini diketengahkan dan dikaji secara ilmiah sebagai usaha mengatasi budaya 'taksu kepartian' dan politik tidak berakhlak dalam kalangan rakyat Malaysia termasuk para pemimpin politik. Dapatan kajian ini diharap mampu menyelesaikan konflik berkaitan budaya berpolitik rakyat Malaysia yang banyak berunsurkan sentimen berbanding rasional dan fakta. Hal demikian amat penting untuk diatasi memandangkan budaya tersebut menggalakkan kepada permusuhan dan perpecahan. Hakikatnya perpecahan akan hanya melemahkan kesatuan dan menyumbang kepada ketidakstabilan negara.

Kata Kunci:

Gagasan; Budaya Politik Matang Sejahtera (BPMS); Taksu Kepartian, Menormalisasikan

Abstract:

Politics is a crucial necessity in human lives. It holds the platform to systematically construct and organize our society and norms. Humans generally cannot co-exist with each other without an organized politics system. Ironically, politics is always misconstrued as dirty, twisted, cunning, and misleading specifically when it involves parties in politics. This mentality is eventually indoctrinated and became part of the culture among the Malaysian. Evidently, any discussion regarding politics usually becomes a sensitive issue filled with sentiments. The challenge is when the doctrine has become worsened with the attitudes and the extreme stance of politics activists who propagate unnecessarily in supporting their political parties; otherwise known as political extremist. These extremists culturalized the act of humiliating, degrading and being physical towards their oppositions to be in power. What is more concerning is that this unhealthy competition has normalized the culture of making stories about people, creating and spreading misleading views of the oppositions which are major sins in the name of Allah SWT. Consequently, this leads to prolonged disagreements and creating conflicts that jeopardises unity. Therefore, the politics culture especially amongst Muslims throughout all parties in this country should be scrutinized, to avoid being a bad representative to the beauty of the religion itself. This study will focus on how far does the political culture perspective of 'Mature and Prosperous Political Culture': *Budaya Politik Matang Sejahtera (BPMS)* could be the alternative/solution to change the political culture among the Malaysians. Qualitative methods are used in this study such as analysis of books and related articles, as well as interviews with authorities, namely amongst the founders to the BPMS concept themselves. In support of the Prime Minister's urge to avoid immoral sentiments of politics, hence, this article suggests for this BPMS concept to be brought forward and studied academically as an initiative to overcome the culture of party extremism and unethical politics among Malaysians, including the politicians. It is hoped that the findings of this study can solve the conflicts related to the political culture of the Malaysians which is mostly based on sentiments rather than rationales or facts. This is a crucial issue for our country as it encourages unhealthy conflicts and creates racial division. The fact is that division will only weaken unity and will inflict on the stability of the country.

¹ <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1118460/jangan-jadikan-perbezaan-politik-senjata-permusuhan-anwar>

Keywords:

Unity; Mature And Prosperous Political Culture; Budaya Politik Matang Sejahtera (BPMS); Party Extremism; Normalizing

Latar Belakang

Sebelum memahami tentang Budaya Politik Matang Sejahtera (BPMS), kita perlu memahami bahawa konsep Budaya Politik Matang dan Sejahtera terdiri daripada dua bahagian iaitu matang dan sejahtera. Matang secara definisi ialah menunjukkan kesempurnaan atau kedewasaan pemikiran (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Konsep matang di dalam politik ialah dengan memberikan putus kata setelah mendengar dan memikirkan segala buah akal pelbagai pihak. Bahagian seterusnya iaitu sejahtera yang didefinisikan sebagai aman dan makmur (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Konsep sejahtera di dalam politik pula ditakrifkan sebagai pemberian manfaat kepada keseluruhan pihak dan tidak menjejaskan mana-mana pihak yang terlibat.

Budaya politik matang dan sejahtera merupakan suatu konsep yang diperkenalkan oleh Haji Abdul Hadi Awang yang merupakan Presiden Parti Islam SeMalaysia (Awang, 2020). Budaya politik matang dan sejahtera mempunyai dua bahagian iaitu matang dan sejahtera. Matang bermaksud proses membuat keputusan yang berlandaskan pemikiran yang matang, berpandukan kepada data dan hujah daripada semua pihak, khasnya parti-parti politik dan rakyat dalam membuat penilaian sebelum menentukan sikap dan tindakan terhadap sesuatu isu yang timbul di Malaysia. Sementara sejahtera pula ditakrifkan sebagai natijah atau matlamat kepada semua tindakan politik oleh mana-mana pihak iaitu semuanya mestilah ke arah membawa kesejahteraan kepada kehidupan bermasyarakat di negara ini.

Tunjang Utama

Budaya Politik Matang Sejahtera (BPMS) berpaksikan kepada tujuh prinsip utama. Ia menjadi tunjang dan sandaran para pengamalnya dalam menentukan sebarang keputusan dan tindakan yang berkaitan dengan politik. Secara asas, BPMS merupakan rangkuman kepada ajaran Islam itu sendiri dalam berpolitik. Tujuh tunjang BPMS adalah seperti berikut:

Politik Bertunjang Prinsip

Strategi yang pertama berdasarkan BPMS adalah politik bertunjangkan prinsip. Sumber rujukan tertinggi bagi BPMS adalah berpaksikan al-Quran dan as-Sunnah. Justeru itu, apa jua keputusan atau tindakan menerusi BPMS mestilah menepati garis panduan syarak. Ini adalah garis pemisah antara hak dan batil. BPMS menolak sebarang keputusan dan tindakan yang berasaskan "matlamat menghalalkan cara" seperti yang diamalkan oleh pengamal politik Machievelli. Machievelli bertanggungjawab memperkenalkan konsep 'Matlamat Menghalalkan Cara':

"Ends Justify Means" If our objective is good, then it doesn't matter if the way we achieve it is bad or wrong or evil.

(Machiavelli)

Dengan matlamat mengekalkan kuasa pemerintahan dan kemajuan negara, maka penguasa dibenarkan untuk melakukan apa sahaja cara tanpa mengira benar atau salah untuk mencapai

matlamat. Fahaman politik seperti ini telah dinormalisasikan dan kini semakin berleluasa dalam kalangan aktivis politik di Malaysia.

Inilah yang membezakan antara BPMS dengan budaya politik konvensional. Asas akidah yang menjadi prinsip perlu dipertegas dan tidak boleh dilonggarkan sewenang-wenangnya. Ia menekankan aspek keteguhan prinsip dalam keterbukaan Islam. Perlu difahami bahawa di dalam Islam ada perkara berbentuk prinsip dan kelonggaran (الثوابت والمتغيرات). Ketidaktahuan dalam hal ini menyebabkan perselisihan yang banyak, disamping kekeliruan masyarakat terhadap dasar-dasar Islam. Pendekatan yang sama diamalkan menerusi BPMS, maka pertimbangan dibuat berdasarkan pembahagian syarak melalui aspek kelonggaran متغيرات dan prinsip ثوابت yang telah ditetapkan. Sepertimana dakwah ada seninya yang boleh berubah, dakwah juga ada prinsip dan disiplinnya yang perlu dipertahankan. Sebagai contoh, tindakan yang diambil oleh bekas Menteri Besar Kelantan, Al-Marhum Dato' Nik Aziz Nik Mat yang telah menutup pusat-pusat judi di Kelantan. Keputusan yang seakan menongkah arus kemodenan ini ternyata membangkitkan rasa tidak puas hati terutamanya dalam kalangan masyarakat bukan muslim. Namun kerana berpegang kepada prinsip dan dasar yang jelas di dalam al-Quran berkenaan pengharaman judi, maka beliau tidak berganjak dengan keputusan tersebut. Hasilnya, tindakan almarhum telah membuahkan hasil yang positif antaranya dengan pengurangan kadar jenayah melibatkan perjudian di negeri Kelantan serta respon positif ahli keluarga yang terlibat berkaitan peningkatan pengukuhan terhadap institusi keluarga yang dilihat semakin baik (Sulaiman, 2023). Tindakan bertunjangan prinsip akan menyelamatkan seseorang atau sesuatu pihak dari situasi menjadi tanggung terbalik ketika membuat keputusan dan tindakan. Malah lebih tegas, ianya harus konsisten di atas prinsip Islam yang diperjuangkan, meskipun dilihat ianya sebagai tindakan yang tidak popular dikalangan pengundi mahupun parti-parti politik. BPMS bersandarkan kepada prinsip-prinsip Islam atau keputusan politik yang disepakati bersama selagi tidak melangkaui perbatasan syarak. Matlamat yang jelas melangkaui sempadan kepartian menjadi asas pembentukan BPMS. Ia bukan sekadar bermatlamatkan kuasa bahkan jauh lebih besar dan penting dari itu. Ia adalah sebuah perjuangan untuk menyebarkan risalah Islam, menyelamatkan rakyat dari perangkap jahiliyyah dan mendaulatkan syariat Islam serta meninggikan kalimah Allah SWT di atas tanah air tercinta ini. Apa yang jelas, kuasa hanya sebagai alat dan bukannya matlamat.

Politik Dakwah dan Amar Maruf Nahi Mungkar

Strategi yang kedua ini merupakan budaya berpolitik yang mana kesemua tindakan adalah bermatlamatkan membawa manusia kepada keindahan dan kesempurnaan cara hidup Islam. Politik dakwah bertujuan mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran (PAS, 2022). Hal demikian sangat penting dan perlu diberi perhatian oleh para aktivis politik disebabkan kegagalan menghayati tujuan ini akan menatijahkan budaya politik permusuhan yang sanggup berbuat apa sahaja termasuk perkara yang menyalahi undang-undang hanya kerana memenuhi kepentingan peribadi. Budaya seperti ini wajar dicantas dari akar umbi kerana ia akan mempengaruhi corak pemikiran dalam kalangan masyarakat juga. Bersandarkan politik dakwah ini, para aktivis politik khususnya dalam kalangan muslim akan terdidik untuk berpolitik selaras dengan tuntutan dakwah itu sendiri. Bahkan terbuka juga kepada mereka yang bukan beragama Islam apabila nilai-nilai universal yang baik menjadi keutamaan untuk diperjuangkan kepada masyarakat. Sebagai contoh, nilai tolak ansur dan menghormati kepercayaan orang lain amat wajar dititikberatkan demi menjamin keharmonian sejagat. Melalui prinsip ini, semua pihak berpotensi dijadikan sebagai sasaran dakwah. Hal demikian adalah sangat positif kerana bermotifkan dakwah kaedahnyanya lebih lunak dan mesra

ke dalam jiwa masyarakat. Perspektif ini lebih diutamakan berbanding melihat masyarakat dalam konteks meraih undi sahaja. Jelasnya, menerusi pendekatan ini BPMS bukan hanya menarik jiwa masyarakat sebagai pengundi, tetapi lebih penting lagi ialah menarik mereka kepada cara hidup Islam yang sempurna. Prinsip yang menjadi asas kepada aktiviti dakwah ialah *amar makruf* dan *nahi mungkar* yang bermaksud mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah keburukan (mungkar). BPMS menekankan budaya mengiktiraf dan menyokong kebaikan oleh mana-mana pihak, dan mencegah serta menentang kemungkaran oleh mana-mana pihak. Setiap perkara yang membawa kebaikan dan memberi manfaat akan disokong secara matang, dan juga menentang sebarang bentuk kemudaratan serta kezaliman juga secara matang.

Menerusi BPMS juga, budaya memperbanyakkan pengisian maklumat, memberi penjelasan yang tuntas dan berfakta serta mengelakkan serangan kepada mana-mana seteru politik menjadi landasan amalannya. Budaya seperti ini mampu mengurangkan pergeseran politik dan ketegangan dalam kalangan masyarakat. BPMS akan menyokong semua kebaikan dan menentang semua keburukan tanpa mengira pihak selagi mana tidak memusuhi Islam secara terang-terangan. Memanfaatkan ruang demokrasi, BPMS tampil membawa risalah Islam kepada masyarakat samada muslim mahupun mereka yang belum lagi muslim. Justeru Islam diturunkan oleh Allah SWT untuk diterima dan diamalkan oleh seluruh umat manusia. Sesiapa yang menerima Islam, pasti sahaja ia selamat di dunia dan juga di akhirat. Berdasarkan pemahaman ini, masyarakat Islam di negara ini wajib mengamalkan Islam dan seluruh syariatnya selepas ia menerima dan mengucapkan dua kalimah syahadah. Sementara mereka yang belum menganut ajaran Islam, tidak boleh dipaksa menganut Islam sebaliknya mereka diberi hak untuk mengamalkan suruhan agama masing-masing.

BPMS sama sekali tidak berorientasikan ketamakan kuasa. BPMS menjadi wasilah untuk menyebarkan dakwah Islam dan berusaha untuk menyelamatkan manusia dari azab Allah SWT. Pada masa yang sama, mengusahakan agar wujudnya sebuah pemerintahan dan masyarakat di negara ini yang terlaksana padanya sistem, dasar dan hukum Islam menuju keredhaan Allah swt. Hal demikian bermaksud, siapa sahaja yang diberi mandat sebagai pemerintah dan mereka melaksanakan sistem pemerintahan Islam yang adil serta saksama, maka wajib diberikan sokongan dan dokongan dalam pemerintahannya.

Politik Penyelesaian Berasaskan Islam

Seterusnya, tunjang yang ketiga adalah budaya berpolitik yang memberi penekanan kepada penyelesaian bukan sekadar menimbulkan isu dan permasalahan. Tindakan berpolitik dengan hanya menengahkan isu dan masalah tanpa cadangan solusi yang tepat adalah sangat tidak profesional dan tidak matang. Ia hanya akan membuka ruang menimbulkan pelbagai persepsi yang ada ketikanya membawa kepada fitnah. Budaya ketiga yang diamalkan menerusi BPMS ini menawarkan cadangan penyelesaian yang komprehensif selaras dengan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat. Disamping itu, penyelesaian yang dikemukakan hendaklah seiring dan bertepatan dengan syariat Islam. Hal demikian menjadi pertimbangan yang utama kerana setiap tunjang dibawah BPMS ini matlamat utamanya adalah untuk memartabatkan syariat Islam di bumi yang berdaulat ini. Bersesuaian dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya Islam itu tinggi dan tidak ada agama yang lebih tinggi daripadanya”.

(HR. Bukhari)

Bertentangan dengan budaya politik konvensional di mana parti pembangkang hanya melontarkan isu dan permasalahan, BPMS menekankan kepada solusi sekaligus membina budaya berpolitik yang memberi penekanan dan kesungguhan dalam mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan masyarakat dan menghindari budaya 'escapism' iaitu melepaskan diri dari tanggungjawab dengan menuding jari menyalahkan pihak lain. Sebarang kelemahan dan kepincangan pihak pentadbiran kerajaan mahupun pemerintahannya tidak hanya dibantah atau dibangkang semata-mata, sebaliknya berusaha mencadangkan solusi yang terbaik. Secara asasnya, menerusi BPMS ini apa yang baik disokong secara matang dan apa yang salah juga ditegur secara matang. Rangkumannya, neraca penyelesaian yang terbaik menerusi BPMS adalah budaya mencari penyelesaian menurut Islam terhadap isu dan permasalahan yang timbul. Pengamalan BPMS ini meyakini sepenuhnya tanpa ragu terhadap kemampuan Islam dalam membawa penyelesaian kepada masyarakat dalam semua aspek kehidupan sama ada politik, ekonomi, sosial, jenayah dan sebagainya. Justeru, menjadi tanggungjawab sesama muslim untuk meyakinkan masyarakat bahawa Islam membawa sistem penyelesaian yang sentiasa relevan dan terbaik sesuai dengan perkembangan zaman. Di samping itu, BPMS juga bersedia menerima penyelesaian secara universal oleh mana-mana pihak yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Budaya berbincang, mendengar pendapat dan membuka ruang melontarkan pandangan tanpa mengira parti politik adalah sesuatu yang wajar diamalkan dalam kalangan aktivis politik (Awang, 2020).

Politik Utamakan Rakyat

Selain itu, BPMS juga berpegang bahawa budaya berpolitik yang menjadikan kepentingan rakyat (yang tidak bercanggah dengan syarak) sebagai keutamaan dalam sebarang keputusan dan tindakan. Pertimbangan ini mengatasi kepentingan individu mahupun kumpulan tertentu sekaligus mengelakkan budaya "politicking" iaitu menjadikan semua perkara hanya sebagai modal politik sempit. BPMS membina budaya berlapang dada dalam segala hal walaupun sesuatu tindakan tersebut mungkin memberi impak politik yang minima kepada mana-mana parti.

Bagi pihak parti politik ataupun sebuah kerajaan selayaknya menjadikan politik sebagai peluang berkhidmat kepada rakyat dan memperjuangkan hak mereka agar kehidupan mereka sejahtera dan terbela. BPMS membina budaya berpolitik di mana semua pihak berlumba-lumba untuk membawa kebaikan kepada rakyat (prinsip *fastabiqul khairat* anjuran al-Quran), bukan bermusuhan dan saling memusnahkan yang membawa kepada kesengsaraan rakyat. Politik tidak boleh dijadikan kesempatan untuk mengaut keuntungan dan membolot kemewahan sedang rakyat menderita dan sengsara. Demikian juga politik dijadikan senjata untuk menjatuhkan dan mencantas pihak yang tidak disenangi. BPMS berusaha mengelak sikap keterlaluan dalam mengendalikan politik sehingga dipalit istilah 'political animal' yang menunjukkan liarnya politik yang dipraktis. Politik kotor yang sanggup berbuat apa sahaja termasuk mengorbankan masa depan rakyat dan politik jijik yang tergamak merempuh sempadan halal dan haram dalam tindakan perlu dicegah dan dihentikan. Khalifah yang terkenal dengan kebijaksanaan dan ketegasan, `Umar ibn al-Khattab RA mengungkapkan (Majid, 2015):

"Dalam mengurus harta Allah, aku meletakkan diriku sama seperti penjaga harta anak yatim. Jika aku memerlukannya, aku akan mengambilnya, jika tidak, aku akan memulangkannya. Sekiranya aku berkemampuan, maka aku menahan diri daripada mengambilnya. Sekiranya pula aku amat memerlukan, aku akan menggunakannya dengan baik dan wajar."

Kata-kata `Umar r.a. ini merujuk kepada peringatan yang diberikan Allah dalam ayat 6, Surah al-Nisa' berhubung dengan tanggungjawab pengurus harta anak yatim.

Para fuqaha' membangunkan suatu kaedah fiqh yang utama bersandarkan athar Khalifah `Umar RA iaitu "*Pengurusan Hal Ehwal Rakyat oleh Pemimpin Berdasarkan Masalah*". Kaedah ini menekankan kewajipan pemerintah dalam memelihara masalah rakyat. Sebagaimana dinyatakan oleh Khalifah `Umar RA, kedudukan pemimpin tidak ubah seperti pengurus harta anak yatim, maka tahap keprihatinan dan berhati-hati para pemerintah dalam pengurusan harta negara mestilah tinggi dan berhemah. Para pemimpin seharusnya berasa amat bimbang sekiranya mereka cuai atau gagal sama sekali menguruskannya dengan baik. Sebagaimana diberikan peringatan oleh al-Qur'an, kebinasaan akan menimpa mereka bukan sahaja di dunia bahkan lebih-lebih lagi di akhirat (Majid, 2015).

Kepercayaan yang diberikan oleh masyarakat kepada pemimpin dalam mengendalikan urusan mereka merupakan suatu amanah yang besar. Masyarakat menyandarkan harapan agar urusan dan kepentingan mereka dikendalikan dengan penuh tanggungjawab. Oleh yang demikian, kepercayaan tersebut tidak wajar sama sekali dibalas dengan pengkhianatan. Dalam sebuah hadis daripada Ma`qal ibn Yasar, Nabi SAW diriwayatkan bersabda yang bermaksud (Majid, 2015):

"Tiada seorang (pemimpin) yang diamanahkan oleh Allah untuk memimpin rakyat (orang bawahan)nya meninggal dunia, dan ketika meninggal dunia itu, ia menipu rakyat (orang bawahan)nya, melainkan Allah mengharamkannya untuk memasuki syurga."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Bertitik tolak dari kesedaran dan pemahaman inilah, maka BPMS ini wajar diusahakan pengamalannya dalam masyarakat khususnya para pemimpin politik.

Politik Damai dan Diplomasi

Seterusnya, BPMS ditunjangi budaya berpolitik yang mengambil pendekatan aman dan berdiplomasi dalam menangani sesuatu isu di dalam masyarakat, serta mengelakkan sebarang bentuk konflik secara fizikal. BPMS menekankan agar budaya politik konvensional yang banyak mengambil pendekatan konfrontasi dapat dihentikan. Melalui BPMS budaya berdiplomasi, saling menghormati serta mengelakkan konflik fizikal dalam berurusan dengan pihak lain, sekalipun mempunyai sikap yang bertentangan terhadap sesuatu isu wajar diamalkan. Prinsip pendekatan ini bermakna, BPMS tidak memusuhi sosok tubuh dan rupa wajah seseorang mahupun sesebuah organisasi hanya kerana ciri-ciri fizikalnya. Malah nama dan latar belakang kaum, bangsa dan bahasa juga bukan menjadi pertikaian kerana itu semua adalah ciptaan dan anugerah Allah SWT. Budaya politik konfrontasi dan fitnah-memfitnah perlu dihentikan kerana ia berdosa besar dan akan menghasilkan permusuhan yang berpanjangan. Masyarakat akan dididik dengan budaya berpolitik yang lebih damai dan berdisiplin dalam mengawal sentimen kepartian yang membuta-tuli. Mendidik masyarakat agar memulakan dengan pendekatan damai, dan hanya menjadikan pendekatan yang lebih agresif sebagai tindakan terakhir jika benar-benar perlu. BPMS berpendirian bahawa budaya politik di Malaysia sesuai dengan pendekatan *muwajahah silmiyyah* atau pendekatan aman dan harmoni. Sebarang bentuk konfrontasi dan radikal hanya akan membawa kepada perpecahan dan pertelingkahan yang lebih besar. Atas asas tersebut maka BPMS dibina atas asas diplomasi bersandarkan:

Pertama: Apabila berdepan dengan pihak yang menghulurkan perdamaian ataupun pihak yang tidak menentang dengan kekerasan, Allah SWT mengajar supaya mendepaninya secara damai dan bertawakal kepada Allah SWT terhadap apa jua kemungkinan.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

(Surah Al Anfal 8:61)

Kedua: Kaedah menangani sebarang kemungkinan disebalik bendera putih yang dikibarkan. Allah menjawab naratif segelintir pihak bahawa suatu kebodohan mempercayai dan menerima perdamaian dari pihak yang memusuhi kita, padahal pendirian tersebut adalah saranan dari al-Quran.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan jika mereka bertujuan hendak menipumu, maka sesungguhnya cukuplah Allah (menjaga dan memberikan perlindungan) kepadamu. Dialah yang menguatkanmu dengan pertolonganNya dan dengan(sokongan) orang-orang yang beriman."

(Surah Al Anfal 8:62)

Politik Benar Bukan Persepsi

Di samping itu, BPMS juga menganjurkan budaya politik yang menekankan kebenaran dan mengelakkan tipu daya pembinaan persepsi semata-mata dalam menarik sokongan rakyat. "Politik Adalah Persepsi" merupakan sebuah mantra hasil budaya politik konvensional yang seringkali digunakan oleh parti-parti politik dalam menarik sokongan orang ramai. Naratif mereka adalah hanyalah membina persepsi bukan realiti. Sama ada ianya benar atau tidak, tidak menjadi pertimbangan yang penting kerana yang menjadi kepentingan kepada budaya politik konvensional ini ialah membina persepsi orang ramai sesuai dengan kepentingan politik mereka. Melalui persepsi, perasaan dan pertimbangan rakyat cuba dimanipulasikan. Islam tidak mengizinkan budaya politik sebegini. BPMS meletakkan kebenaran sebagai parameternya. Persepsi masyarakat mestilah dibentuk berasaskan fakta dan hakikat. Sebarang isu tidak boleh disandarkan dengan rekaan, atau mainan istilah mahupun manipulasi angka dan media kerana hal demikian akan bagi mengelirukan orang ramai dan akan menimbulkan sentimen secara negatif. Lebih teruk, ia akan membawa kepada fitnah, buruk sangka, dendam dan permusuhan. Amatlah keji budaya politik sedemikian, dek kerana menjayakan kepentingan politik pihak tertentu maka naratif buruk dibina semata-mata atas sangkaan dan andaian lalu dilontarkan tuduhan tanpa asas untuk menjatuhkan lawan politik yang lain. Betapa besarnya kemurkaan Allah SWT terhadap perbuatan tersebut. Sesuai dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antara timur dan barat"

(Riwayat al-Bukhari)

Begitu juga maksud dari sabda Rasulullah SAW berikut:

“Dan orang yang paling dimurkai Allah SWT ialah orang yang pergi membawa fitnah, memecah belahkan antara persaudaraan dan mencaci orang yang tidak bersalah terhadap kesalahan yang tidak dilakukannya”

(Riwayat al-Tabarani)

Islam mengajar umatnya supaya menyelidik dan meneliti sesuatu perkara sebelum membuat keputusan. Inilah kaedah terbaik dan adil yang digariskan oleh al-Quran bagi menghindari kesalahan dan kezaliman terhadap orang lain. Islam sangat melarang perbuatan bersangka-sangka dan menuduh seseorang tanpa didatangkan dahulu bukti terhadap pertuduhan tersebut. Di sinilah neraca keadilan Islam. Bukti yang jelas mendahului pertuduhan. Kaedah fiqh terbina atas asas ini iaitu *“lebih baik melepaskan orang yang bersalah (sekiranya tidak cukup bukti) daripada menghukum orang yang tidak jelas kesalahannya”*. BPMS juga menjunjung tinggi kaedah Islam supaya menyiasat terlebih dahulu satu-satu pengkhabaran sebelum menghukum. Peringatan tegas ini telah termaktub dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Jika seseorang yang fasik datang kepadamu membawa suatu berita, maka telitilah kebenarannya, agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum karena kebodohan (kecerobohan), yang akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu.

(Al-Hujurat 49:6)

Masyarakat hari ini harus mengambil sikap berhati-hati apabila menerima sebarang maklumat. Sementara sumber maklumat yang mudah didapati, hanya dihujung jari. Kemajuan teknologi ICT menjadi ruang ancaman jika tersalah guna. Maka BPMS berperanan penting untuk membina budaya membuat tindakan berasaskan kebenaran bukan sekadar persepsi. Kesedaran dalam kalangan masyarakat adalah sangat penting dalam menjayakan agenda ini. Masyarakat wajar dididik supaya sentiasa menyelidik dan menyiasat sebarang berita lebih-lebih lagi berkaitan politik sebelum menilai dan menghukum.

Politik Rasional dan Profesional

Tunjang yang terakhir adalah budaya berpolitik berasaskan kepada hujah yang rasional yang dibina, diolah dan disampaikan secara profesional. Budaya ini mengutamakan ciri-ciri keadilan, ketepatan, kecekapan dan kualiti. Pandangan, sikap dan tindakan yang diambil menerusi BPMS ini mestilah sentiasa disertakan dengan hujah dan penjelasan yang rasional sesuai dengan permasalahannya. Masyarakat perlulah diberi kefahaman menerusi penjelasan dan penerangan yang disampaikan secara pantas dan tepat. BPMS membina budaya bahawa masyarakat tidak boleh dipaksa untuk memihak kepada sebarang pendirian dan tindakan tanpa penjelasan yang munasabah. Budaya ini menggambarkan kematangan berpolitik yang menghormati keperluan intelek orang ramai. Pandangan dan tindakan yang diambil mestilah berdasarkan kepada maklumat yang betul, berdasarkan pertimbangan akal dan syarak, bukannya berasaskan sentimen dan emosi semata. Pembudayaan ini akan turut meningkatkan budaya profesionalisme dalam gerak kerja. BPMS menekankan budaya kerja yang tersusun, sistematik dan strategik. Laungan retorik perlulah dikurangkan seimbang dengan perbuatan dan tindakan yang sesuai dengan tuntutan akhlak Islam. BPMS menyeimbangkan antara iltizam yang membara dengan gerak kerja yang cekap dan profesional. Maka mekanisme utama adalah dengan membentuk gabungan secara langsung antara golongan ilmuwan agama dengan teknokrat dalam pentadbiran negara. BPMS juga mengutamakan kualiti kerja dan memastikan

ianya tepat dengan piawaian yang dikehendaki. Cepak dan bijak melunaskan tugas yang diberi. Bersesuaian dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud (DPPM, 2018):

"Sesungguhnya Allah SWT suka apabila seseorang kamu menjalankan sesuatu amal (tugas), ia melakukan dengan teliti (profesional)."

(Riwayat Imam Al Baihaqi)

Justeru, langkah dan tindakan politik mestilah berlandaskan fakta dan mempunyai alasan yang munasabah serta rasional. Sebarang keputusan yang diambil perlu mengambil kira realiti masyarakat dan keadaan semasa. Bahkan menerusi BPMS juga pemimpin dididik supaya mengamalkan memulangkan hak kepada yang berhak memilikinya tanpa khianati amanah yang diberi. Sikap profesional ini pernah ditunjukkan oleh Saidina Abu Bakar as-Siddiq RA (Hisyam, 2015):

"Wahai manusia, sesungguhnya aku telah dilantik menjadi pemimpin ke atas kamu sedang aku bukanlah orang terbaik dari kalangan kamu. Jika aku melakukan kebaikan maka bantulah aku dan jika aku melakukan kesalahan maka perbetulkan aku. Benar itu amanah dan dusta itu khianat. Orang yang lemah di kalangan kamu adalah kuat disisiku sehingga aku memulangkan haknya insyaAllah. Sementara orang yang kuat di kalangan kamu adalah lemah disisiku sehingga aku mengambil hak yang wajar darinya insyaAllah".

Berpaksi kepada kebenaran tentunya bersandarkan fakta dan nas yang tepat. BPMS menekankan supaya menerima kebenaran dengan lapang dada dan sikap terbuka walaupun kebenaran itu datang dari pihak lain dan tidak memberi manfaat politik terhadap diri atau parti sendiri. Pengamal BPMS perlu bersedia menerima teguran, berusaha memperbaiki diri dan membetulkan kesilapan yang dilakukan dengan sikap yang positif.

Hasil Dapatan

Setelah meneliti konsep BPMS ini, terdapat beberapa perkara yang boleh diperhalusi. BPMS merupakan suatu gagasan yang idealistik namun tidak mustahil untuk dilaksanakan. Secara keseluruhan, BPMS ini disusun bersandarkan kepada ajaran Islam itu sendiri. Melihat kepada realiti politik di Malaysia ketika ini, BPMS dilihat sebagai suatu idea yang optimis dan lebih stabil dalam mengimbangi pelbagai konflik dalam berpolitik. Kejayaan BPMS ini boleh dilaksanakan melalui beberapa tumpuan:

Kepimpinan Melalui Teladan

Secara asasnya, BPMS merupakan konsep yang sangat baik dan positif untuk diamalkan dalam kalangan masyarakat. Matlamatnya jelas dan justifikasinya munasabah serta realistik. BPMS tidak terhad kepada sesama muslim sahaja tetapi juga wajar dipraktikkan kepada masyarakat bukan Islam. Hal demikian kerana kematangan dan kesejahteraan adalah nilai universal yang perlu dikongsi bersama melangkaui sempadan agama, parti, bangsa, dan seumpamanya. Masyarakat bukan Islam juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang juga berperanan penting untuk mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara. BPMS memberi garis panduan untuk berpolitik secara matang dan adil. Namun, kayu ukur utama sejauh mana kemampuan pelaksanaan BPMS ini hakikatnya bergantung kepada kemampuan para pemimpin politik dalam mengamalkannya. Pemimpin menjadi contoh dan teladan kepada masyarakat. Kejayaannya boleh dinilai menerusi usaha sama politik matang dalam kalangan pemimpin tidak kira kerajaan mahupun pembangkang yang mengetepikan kepentingan politik peribadi, boleh duduk semeja berbincang dengan matang mencari solusi permasalahan negara,

mampu berlapang dada apabila dilontarkan kritikan yang membina, bersedia menghulurkan bantuan serta turun padang mendekati rakyat bertanya khabar dan menyelami permasalahan mereka tanpa mengira sempadan politik, agama dan bangsa. Budaya berjiwa besar seperti inilah yang amat wajar diusaha dan dipraktikkan. Teladan sedemikian pasti akan mempengaruhi budaya dan amalan berpolitik dalam kalangan masyarakat khususnya aktivis setiap parti. Hal ini kerana Islam sendiri menegaskan kewajipan mentaati pemimpin selagi mereka tidak melangkaui batasan syariat. Ia bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Dengar dan taat (kepada pemerintah) itu merupakan suatu perkara yang hak (kemestian), selama mana mereka tidak memerintahkan kepada maksiat. Apabila mereka (pemerintah) mengarahkan kepada maksiat maka tidak wajib dengar dan taat (pada arahan tersebut).

(Riwayat Al-Bukhari)

Justeru, rakyat akan melihat dan menilai kebijaksanaan para pemimpin dalam berpolitik. Jika pemimpin berpolitik dengan matang, berlapang dada terhadap kritikan, melayan dengan adil maka rakyat juga terdorong untuk melakukan hal yang sedemikian. Arahan dan saranan para pemimpin supaya berpolitik dengan matang dan sejahtera, pasti akan disahut dengan baik oleh rakyat.

Menggalakkan kepada Kolaborasi Politik

Bagi menjayakan usaha BPMS ini, kolaborasi antara parti-parti politik perlu diwujudkan. Boleh jadi bersifat jangka pendek mahupun jangka panjang. Kolaborasi politik ini boleh berlaku melalui tawaran pihak-pihak tertentu untuk mewujudkan kerjasama dan permuafakatan politik bagi mencapai matlamat dan objektif yang dipersetujui bersama. Dalam konteks ini, tiga elemen yang biasanya mempunyai perkaitan rapat iaitu (Mahadee, 2018); (i) tuntutan politik, (ii) sokongan politik; dan (iii) matlamat awam. Tuntutan politik merupakan keinginan dan kehendak ahli, sistem atau sub-sistem masyarakat yang boleh mempengaruhi agen sesebuah sistem politik dalam mencapai matlamat awam. Sokongan politik pula menjadi sumber asas kuasa melibatkan pihak yang mendukung, memilih dan menentukan agen bagi sesebuah sistem politik dalam membuat keputusan dan merealisasikan pencapaian matlamat awam. Sementara itu, matlamat awam merujuk kepada sesuatu yang ingin dicapai untuk kebaikan dan kepentingan masyarakat umum seperti dalam aspek ekonomi, keluarga, pekerjaan, pendidikan dan kesihatan. Tuntutan politik dan sokongan politik adalah input, manakala matlamat awam adalah output kepada sesebuah kolaborasi antara parti politik. Ketiga-tiga elemen tersebut menjadi asas dan penentu kejayaan sesuatu tindakan permuafakatan politik dalam membudayakan BPMS. Mewujudkan permuafakatan antara parti politik merupakan suatu proses yang mencabar kerana bukan sekadar merujuk kepada pembentukan blok-blok kerjasama politik antara parti semata, bahkan ia turut merangkumi elemen pembentukan negara seperti pengamalan sistem federalisme dan 'state-government', pembentukan identiti sosial, nasionalisme, dasar pendidikan dan pelbagai lagi.

Dari sudut pandang lain, pembentukan kolaborasi politik berperanan sebagai suatu proses dimana aktivis politik perlu menumpukan kerjasama ke arah menjayakan agenda bersama yang mengutamakan masalah rakyat secara umum. Para aktivis politik yang mampu mengenyahkan perbezaan, mengutamakan kepentingan rakyat, berjiwa besar dan berlapang dada untuk memaafkan adalah kunci kepada proses kolaborasi politik ini. Permuafakatan tersebut dapat

membantu dalam memupuk perpaduan, sementara parti-parti politik pula perlu menyusun semula gerak kerja mereka supaya selari dengan perkongsian agenda yang telah dipersetujui. Tunjang utama aktiviti kolaborasi politik adalah proses mewakili kuasa komponen parti-parti politik kepada komuniti politik yang terbentuk melalui pengamalan secara bersama terhadap BPMS. Hasilnya, kolaborasi politik yang terbina melalui BPMS ini akan memberikan fokus yang jelas terhadap pencapaian matlamat yang akan dikongsi bersama dalam pelbagai aspek kehidupan terutamanya dalam kerangka pembentukan kerajaan dan pembangunan negara secara holistik.

Rumusan

Secara konklusinya, BPMS menganjurkan suatu alternatif kepada budaya berpolitik yang lebih terbuka dan positif dalam kalangan masyarakat Malaysia. Walaupun idea dan gagasan BPMS ini dipelopori oleh Persatuan Islam Se-Malaysia (PAS), namun nilai manfaatnya sangat penting dan relevan untuk dilaksanakan hari ini. Budaya berpolitik dalam kalangan aktivis parti politik yang sering dipenuhi dengan sentimen dan perbalahan, fitnah dan kecaman perlu dihentikan. BPMS mendidik masyarakat supaya lebih matang dan rasional dalam menunjukkan sokongan terhadap mana-mana parti politik. Masyarakat hari ini juga lebih bijak dalam membuat pertimbangan dan penilaian. Asasnya Masyarakat perlukan pemimpin yang berjiwa besar, matang dan adil dalam membuat keputusan, mampu mengetepikan sentimen dan budaya politik sempit, amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan agenda memberi khidmat kepada masyarakat dan negara. Kerana itulah, peranan pemimpin amat penting dalam menjayakan gagasan BPMS ini baik dalam kalangan kerajaan mahupun pembangkang.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan artikel ini, terutama kepada rakan penulis dalam pengumpulan data dan rujukan metodologi sehingga artikel ini berjaya diterbitkan. Terima kasih juga kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Global Academic Excellence (M) Sdn. Bhd. atas kerjasama dan sokongan dalam penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Al-Qaradawi, Y. (1997). *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam: Makanatuhu... Ma 'alimuha... Tabi 'atuha*. Cairo: *Dar al-Shuruq*, 1417, 143.
- Aman Razali, D. D. M. K. (n.d) Pas perlu kembali amal budaya politik matang, sejahtera. *Utusan Malaysia* <https://www.utusan.com.my/berita/2022/12/pas-perlu-kembali-amal-budaya-politik-matang-sejahtera/>
- Awang, A. H. (2020) *Budaya Politik Matang dan Sejahtera: Suatu penyelesaian*. Pustaka Ummah.
- Bin Abdul Rahman, M. Z. (2018) *Falsafah Politik Islam: Tawaran Islam Untuk Kelestarian Ummat Abad Ke-21*. Auditorium Ibnu Sina, Putrajaya
- Bin Mohd, M. R., & Nur Arfah binti Abdul Sabian. (2015). *Tahaluf siyasi: antara peluang dan prinsip*. Megamind Leadership Consultancy.
- Iskandar, T., & Zainal, B. (2005). *Kamus Dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: DBP.
- Islamic Finder. (2023) Sahih al-Bukhari (<https://www.islamicfinder.org/hadith/bukhari/?language=ms>)
- Ismail, M. O. H. D. (2020). *DINAMIKA INTEGRASI POLITIK MELALUI KERJASAMA POLITIK DI MALAYSIA: TERAS KEPADA TAPAK INTEGRASI*

MASYARAKAT MULTI-ETNIK. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 47(3).

Machiavelli, N. (1993). *The prince (1513)*. Hertfordshire: Wordsworth Editions.

Mika'il al-Almany. (2009) Sahih Muslim. 1st edition (https://d1.islamhouse.com/data/en/ih_books/single/en_Sahih_Muslim.pdf)

Mohd Zaini bin Zakaria et.al, (2015), Memasyarakatkan Quran mensejahterakan ummah, Perpustakaan Negara Malaysia.

Mohd Nasir, B. (2020). BUDAYA POLITIK MATANG DAN SEJAHTERA SUATU PENYELESAIAN oleh Haji Abdul Hadi Awang. *JAUHAR* 4(2). 52-55 http://journal.kuis.edu.my/jauhar/images/artikel/Jilid4Bil2/JAUHAR_10-PROF_DR_BADLIHISHAM_MOHD_NASIR-UTM.pdf

Mohd Mahadee Ismail, Budaya Politik Kontemporari Masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia: Satu Penilaian Kritis, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue* (2018), https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/102480/33.pdf

Noor, M. M. (2009). Politik Malaysia di persimpangan: praktik politik dalam PRU 2008 dan kontemporari [Indonesian].

Sulaiman, H., Alias, M. N., & Kamis, M. S. (2019). Analisis kritikal mengenai politik Islam di Malaysia. *ASEAN COMPARATIVE EDUCATION RESEARCH JOURNAL ON ISLAM AND CIVILIZATION (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 2(2)

Yusof Al-Qardhawi, (2012), *Flexibility Islam*, (terj: Muhammad Zaini Yahya), Syabab Book Link, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Zawiyah Mohd Zain, Budaya politik masyarakat Melayu: Satu analisis. <https://journalarticle.ukm.my/16452/1/41039-149847-1-PB.pdf>